

# Pelajar UiTM, UKM boleh cuti setahun

**KUALA LUMPUR 28 Mac** - Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dipilih sebagai perintis kepada program Gap Year 2017 bermula September ini yang membenarkan para pelajar mereka 'bercuti' selama setahun daripada pengajian bagi membolehkan mereka bekerja dengan mana-mana agensi kerajaan secara sukarela.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, pelajar dari kedua-dua universiti itu akan diberi peluang untuk bekerja dengan empat agensi terpilih iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dalam tempoh berkenaan.

"Program Gap Year 2017 lebih

berkonsepkan perkhidmatan kepada negara yang akan bekerjasama dengan agensi-agensi keselamatan.

"Dalam tempoh itu, mereka akan diserapkan sebagai kadet polis dan sebagainya," katanya ketika ditemui dalam Persidangan Pendidikan Malaysia Ke-21 di sini, hari ini.

Idris menambah, pelajar yang terpilih akan menjalani latihan selama sebulan sebelum diserapkan untuk menjalankan tugas sepenuhnya bagi tempoh setahun sebelum menyambung kembali pengajian masing-masing.

Menurutnya, program Gap Year direka untuk mengatasi masalah tidak sepadan antara kualiti graduan dan kehendak majikan memandangkan sistem sedia ada hanya mengukur kemampuan akademik siswazah

semata-mata.

"Kita akan memperluaskan program ini ke universiti-universiti awam yang lain dalam masa terdekat," ujarnya.

Sebelum ini, Idris mengemukakan lapan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) telah dipilih bagi mengikuti program Gap Year dalam usaha kerajaan memberi peluang kepada mahasiswa menimba pengalaman dan melaksanakan kerja sukarelawan di agensi-agensi awam.

Selain UiTM dan UKM, antara IPTA lain yang terpilih ialah Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Tun Hussein Onn.

Program tersebut melibatkan penuntut tahun dua atau tiga dan mereka boleh memohon tanpa mengira jurusan yang diambil.



**IDRIS JUSOH** (lima dari kanan) bergambar bersama wakil universiti ketika Perasmian Sidang Kemuncak Pendidikan Malaysia Ke-21 di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/RIDUAN RIZAL AHMAD